

# Jangan harap jaminan Barat: Mahathir

Daripada A Nazri Abdullah

ANKARA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, menjadi satu kesilapan mengharapkan perlindungan keselamatan daripada orang lain terutama penganjur demokrasi Barat kerana mereka akan bertindak mengikut kepentingan sendiri.

Menurut Perdana Menteri, negara-negara berkenaan sentiasa bercakap mengenai hak kemanusiaan, hak pekerja dan kebebasan demokrasi, bagi membenarkan mereka campur tangan apabila kepentingan terancam.

"Ramai orang dan banyak negara yang baru mendengar mengenai keagungan sistem demokrasi dan pasaran bebas berlumba mengamalkan sistem itu. Bagaimanapun kepada sebahagian besar, hasilnya ialah mala petaka.

"Di Bosnia-Herzegovina, tarikan kemerdekaan dan demokrasi menyebabkan ratusan ribu orang dibunuh beramai-ramai, manakala berjuta lagi dipaksa meninggalkan tanah air mereka. Protagonis (pelakon utama) besar demokrasi di Barat pula hanya melihat keadaan itu ketika pengikut mereka dibunuh beramai-ramai dan dirogol.

"Atas hakikat ini, barangkali lebih baik bagi Malaysia dan Turki terus saling berunding di antara satu dengan lain berhubung dasar dan strategi masing-masing dalam dunia unipolar ini," katanya di majlis jamuan yang diadakan oleh Perdana Menteri Turki, Prof Dr Tansu Ciller untuk meraikannya di sini, malam tadi.

Menurutnya walaupun Perang

LIHAT MUKA 3

# Jangan harap jaminan Barat: PM

DARI MUKA 1

Dingin sudah berakhir, ia tidak menjadikan dunia ini lebih baik dan selamat.

Perdana Menteri yang mengetuai 203 orang anggota tiba di sini pagi semalam, untuk lawatan 10 hari ke Turki, Jordan dan Turkmenistan.

Ketibaannya disambut oleh Pemangku Menteri Luar, Mehmet Mogultay, di Lapangan Terbang Esenboga.

Dr Mahathir yang dalam lawatan kerja selama tiga hari ke Turki berkata, delegasinya turut disertai oleh ahli perniagaan bagi membolehkan mereka meninjau dan mengenal pasti peluang perniagaan.

"Turki mempunyai kedudukan unik kerana terletak di persimpangan jalan di antara Eropah, Timur Tengah dan Asia Tengah.

"Saya akan menggalakkan sektor swasta Malaysia merebut peluang daripada kedudukan itu, manakala Turki boleh menjadi pintu masuk ke pasaran yang luas di negara Kesatuan Eropah, Timur Tengah dan Asia Tengah.

"Kami juga belajar daripada kejayaan anda dalam mencari peluang di republik-republik Asia Tengah.

"Malaysia berminat untuk menerokai peluang kerjasama dengan Turki di rantau itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun Turki kaya dengan warisan kegemilangan Islamnya pada

masa lalu, bagi rakyat Malaysia, mereka menganggap ia sebuah negara moden dan dinamik yang didiami oleh umat Islam.

"Bagaimanapun, dalam kehairahan kita untuk menggalakkan kerjasama perdagangan dan ekonomi, banyak potensi itu belum diterokai sepenuhnya.

"Angka perdagangan di antara kedua-dua negara menunjukkan ia masih kecil.

"Kita perlu mengukuhkan lagi kerjasama supaya dapat menggunakan sepenuhnya potensi dalam peluang-peluang perdagangan dan ekonomi yang ada di negara masing-masing," katanya.

Menurut Dr Mahathir, beliau percaya sektor swasta harus digalakkan memulakan langkah ini dan bertindak sebagai pemangkin dalam mewujudkan hubungan langsung perdagangan dan ekonomi di antara kedua-dua negara.

"Saya berharap lawatan ini memberikan mereka peluang untuk belajar lebih banyak mengenai negara anda dan mengadakan hubungan dengan rakan mereka di sini.

"Saya yakin dengan iltizam bersama ke arah mengukuhkan kerjasama dua hala, aliran perdagangan, pelaburan dan pelancongan lebih besar di antara kedua-dua negara boleh berjalan lebih lancar," katanya.